

# Wak Khalid memukau UMS

UB 6-4-2014 B14  
KOTA KINABALU: Galeri Majlis, Bangunan Canselori Universiti Malaysia Sabah (UMS) dua hari lalu digegarkan dengan kehadiran 300 audiens bagi menjayakan Program Bicarawara anjuran Jabatan Canselori dan Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik UMS (PPUMS).

Bicarawara itu menampilkan seorang seniman agung negara yang juga satu-satunya pemenang anugerah Pelakon Lelaki Terbaik Festival Filem Asia Pasifik selepas Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Khalid Salleh yang terkenal dengan panggilan Wak Khalid menghidupkan suasana pagi Jumaat di universiti itu dengan bicaranya yang bertajuk 'Hidup Ini Indah'.

Dengan gaya penyampaian yang santai dan penuh bertenaga, beliau menjelaskan bahawa maksud keindahan sebenarnya terlalu subjektif untuk dirumuskan, sekali gus

mengundang seribu satu pertanyaan dalam kalangan kakitangan dan pelajar UMS yang hadir.

"Saya melihat keindahan itu bermula dengan diri kita sendiri, daripada hati kita dan bagaimana kita melihat dan menjana dalam pemikiran dan seterusnya dirasa di dalam hati," katanya.

Tambah beliau, setiap individu perlu mengenali diri sendiri sebelum mengenali maksud kehidupan sambil menjadikan agama sebagai teras kepada kehidupan.

"Bagi saya, apa pun agama, kita semua menuju ke satu jalan yang abadi, kepada Tuhan kita," ujar beliau.

Untuk yang beragama Islam katanya, ia bukan sekadar mengucapkan Syahadah malah adalah penting bagi setiap Muslim untuk memahami dan mengenal maksud di sebalik Syahadah itu dengan meletakkan keyakinan kepada pegangan agama.

Program bicara interaktif itu turut mendapat perhatian Timbalan Naib

Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yusof, apabila beliau juga dilihat memberi pandangan mengenai tajuk berkenaan.

Beliau menasihatkan

warga UMS agar sentiasa berfikiran positif terhadap orang lain dan jangan mencetuskan sebarang permusuhan.

"Berkawanlah dengan semua orang agar kita dapat

menikmati kehidupan dengan lebih tenang dan indah meskipun perjalanan kita terpaksa menempuh pelbagai cabaran," katanya.

Shahril turut menambah, cabaran itu yang akan mematangkan manusia sekali gus mampu untuk melihat keindahan di sebalik ujian yang diberikan.



**LEBIH 300** orang hadir bagi mendengar bicara Wak Khalid.



**KHALID** Salleh santai dan bersahaja menyampaikan bicara bertajuk 'Hidup Ini Indah'.

**WAK** Khalid bersama Shahril (kiri) dan kakitangan UMS lain sebelum bicarawara bermula.